

18/12/1998

Pertumbuhan positif tahun depan

Jamhariah Jaafar in Hanoi

MALAYSIA yang meramal penguncupan kadar pertumbuhan ekonomi negara mungkin lebih daripada enam peratus tahun ini, yakin ia kembali mencatat pertumbuhan positif satu peratus tahun depan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, penguncupan tahun ini adalah berikutan kesan percubaan untuk melaksana polisi Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) oleh bekas gabenor Bank Negara Malaysia, yang ternyata lebih menjejaskan ekonomi daripada yang dijangka.

"Dalam ucapan ketika membentang Belanjawan 1999 baru-baru baru ini, kami menjangka mencatat penguncupan 4.8 peratus, bagaimanapun angka terbaru menunjukkan ia mungkin lebih daripada itu."

"Jadi tahun ini penguncupan mungkin mencatat sehingga enam peratus atau lebih, kami perlu memberi pertimbangan kepada itu."

"Tetapi kami berasa tahun depan kami masih boleh mencapai kadar pertumbuhan satu peratus," katanya pada sidang akhbar di Hanoi sebelum pulang ke Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berada di Hanoi bagi menghadiri Sidang Kemuncak Asean Keenam yang berakhir kelmarin. Turut hadir ialah isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Ditanya sama ada beliau akan mengkaji semula dasar kawalan tukaran asing berpilih Malaysia berikutan semakin ramai pelabur datang ke rantau ini sejak akhir-akhir ini, Perdana Menteri menjelaskan pelabur masih masuk ke Malaysia cuma ia berlaku agak perlahan.

"Ini kerana pemegang amanah kepada dana syarikat tertentu tidak membenarkan mereka melabur ke dalam mana-mana negara yang mengawal pengaliran modal."

"Kami sudah berbincang dengan mereka dan mereka (syarikat berkenaan) memang berhasrat untuk melabur di Malaysia... tetapi disebabkan syarat ini mereka tidak boleh."

"Syaratnya ialah mereka (pemegang amanah) tidak membenarkan pelabur mereka untuk melabur di Malaysia."

"Dan bagi pihak Malaysia, kami masih tidak yakin jika kami membuka semua pasaran, keadaan yang berlaku sebelum ini (serangan pedagang mata wang) tidak akan berulang," jelasnya mengenai pendirian Malaysia.

Sementara itu, Perdana Menteri turut ditanya wartawan asing bila beliau akan melantik timbalan perdana menteri dan mengapa beliau tidak meletak jawatan tahun ini seperti yang pernah dibayangkan sebelum ini.

Katanya: "Awalnya saya menukar fikiran kerana masalah ekonomi yang dialami negara ini, selepas itu ia adalah kerana kami menghadapi masalah dengan timbalan perdana menteri saya yang terpaksa melepaskan jawatannya.

"Sekarang saya tidak mempunyai timbalan perdana menteri, (kerana itu) saya tidak mungkin dapat meletak jawatan pada November tahun ini."

Dr Mahathir berkata, memang ramai orang termasuk ahli tertinggi Umno yang meminta beliau melantik timbalan perdana menteri kerana bimbang jika sesuatu berlaku ke atas dirinya.

"Itu yang nampaknya yang mereka selalu bimbangkan. Seperti yang pernah saya katakan, saya ingin parti membuat keputusan pada pemilihan parti tahun depan tetapi beberapa orang termasuk ahli tertinggi memberi pendapat ia terlalu lama. Kerana itu saya patut menimbang untuk melantik timbalan perdana menteri lebih awal dan saya masih menimbang perkara itu ketika ini," katanya.

( END )